

Headline **Bida tinggi**
Date **25. Oct 2008**
Media Title **Berita Harian**
Section **Supplement**
Circulation **192917**
Readership **1521000**

Language **MALAY**
Page No **2,3**
Article Size **1648 cm²**
Frequency **Daily**
Color **Full Color**
AdValue **86012.40**



▲ Oleh Shamshul Azree Samshir
sazree@beritan.com.my

DI Malaysia apabila disebut lelong, dalam fikiran tentu tergambar aktiviti jualan lambak yang menawarkan barang keperluan harian secara pukal pada harga murah dengan mutu produk, mungkin tidak sebaik disangka.

Sejak beberapa tahun lalu pula, istilah lelong cukup popular dengan aktiviti jualan aset seperti rumah dan kereta. Dalam proses menjual dan membeli ini, pembida yang meletakkan harga tertinggi berpeluang menjadi pemilik baru aset dihajati. Proses ini dilakukan secara telus di mana sudah tentu pembida yang tidak mampu membayar pada harga lebih tinggi, akan pulang berputus mata.

Di dunia Barat, lelong tidak pula memberi konotasi negatif bagi maksud aktiviti mahupun barang yang diperdagangkan. Christie's Auction misalnya, dikatakan menjadi institusi lelong yang meraih pendapatan tertinggi di dunia. Institusi ini melelong pelbagai hasil seni seperti lukisan dan tembikar vintaj, malah menjadi rumah sementara bagi karya hebat Leonardo da Vinci, Vincent van Gogh dan barang peribadi milik ikon Hollywood, Marilyn Monroe sebelum ia berpindah tangan.

Lelong barangseni termasuk artifak di Malaysia mungkin masih dianggap baru

atau jarang dianjurkan oleh mana-mana pihak. Namun esok, sejarah bakal tercipta apabila syarikat Bumiputera, Heritage Auction House akan menganjurkan program jualan dan lelongan barang antik, Legasi Warisan Dunia 2008 di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.

Program jualan dan lelongan barang antik yang dikatakan

CC
Keris ini cukup istimewa di mana anda boleh lihat sendiri kepadaan Pandai Besi atau tukang keris menghasilkan keris ini boleh didirikan seimbang melalui dua belah iaitu hulu dan muncung keris"

Mohd Radzuan
Pemilik Heritage Auction House

pertama kali dianjurkan pada skala besar di Malaysia ini, tentunya mengundang perhatian ramai pihak. Golongan musykil yang selama ini tidak pernah tahu adanya jualan dan lelongan barang antik atau artifak di negara ini, pastinya tidak mahu melepaskan peluang menyaksikan detik bersejarah ini lebih-lebih lagi peminat barang antik.

Peluang barang antik yang selama ini mungkin menjadikan kedai barang antik di



Headline


Date

Media Title

Bida tinggi

25. Oct 2008

Berita Harian



SOBRI SUDIN | BERITA HARIAN

ANTARA barang antik dan artifak yang akan dilelong oleh Heritage Auction House esok.

Melaka, flea market di Amcorp Mall, Petaling Jaya ataupun 'tebal muka' bertanya pemilik barang terabit walaupun tidak dikenali semata-mata mahu mendapatkan barang antik, tentu boleh menggunakan acara jualan dan lelongan ini sebagai medium baru menambah koleksi.

Pemilik Heritage Auction House, Mohd Radzuan Jamaluddin berkata, program jualan dan lelongan barang antik yang mula dipertontonkan kepada orang ramai dan pembida sejak semalam, bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai terutama generasi muda terhadap barang antik dan hobi mengumpul artifak bersejarah ini.

"Syarikat ini yang memiliki lesen lelong, sebenarnya bermula dengan melakukan aktiviti lelong hartanan seperti rumah dan kereta.

"Namun sejak lima tahun lalu, saya mula mengambil inisiatif mengumpul barang antik lalu tertarik untuk menjual dan lelong barang yang dikumpulkan bagi menarik perhatian orang ramai terhadap khazanah lama dan hobi mengumpul barang antik," katanya ketika ditemui Sabtu di pejabatnya di Kompleks Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Shah Alam, baru-baru ini.

Mohd Radzuan berkata, selain mendekati barang antik, generasi muda juga boleh melihat sendiri kehalusan hasil tangan pereka lama seperti tenunan kain limar dan cindai yang ditutup begitu teliti.

Beliau berkata, kira-kira 80 peratus daripada artifak dan barang antik yang akan dijual dan dilelong esok adalah dari koleksi miliknya. Barang antik dikumpulkan itu berasal dari pelbagai negara dengan setiap satunya memiliki nilai sentimental tersendiri.

"Saya berusaha menjelajai setiap barang antik di merata tempat termasuk berkenalan dengan pihak tertentu yang boleh menemukan saya dengan barang terabit."

"Jika difikirkan, memang sayang hendak menjual atau melelong barang antik ini tetapi memikirkan kepentingan rama apatah lagi untuk tujuan amal, saya sedia menyerahkan sebahagian daripada koleksi



SET kerongsang Baba dan Nyonya Melaka berusia lebih 100 tahun.

SET gelang emas buatan Indonesia pada 1925.



jualnya," katanya.

Mohd Radzuan berkata, selain set barang kemas, keris Majapahit digelar Keris Naga Emas Dewi Tunggal berusia lebih 300 tahun juga ditawarkan pada pembida bertuah.

"Keris ini cukup istimewa di mana anda boleh lihat sendiri kepada Pandai Besi atau tukang keris menghasilkan keris berleukuk ini... Keris ini boleh didirikan seimbang melalui dua belah iaitu hulu dan muncung keris," katanya.

Turut ditawarkan pada program lelongan itu ialah set pemain rekod dari era Thomas Edison yang berusia lebih 100 tahun. Rekod ini cukup istimewa kerana ia adalah generasi kedua yang dihasilkan oleh pereka itu pada 1989.

Mohd Radzuan berkata, sesi pratonton barang antik bermula semalam dan hari ini di mana pembida boleh melihat koleksi barang terabit sebelum membuat keputusan membida.

"Ini adalah proses lazim di mana sesi pratonton diadakan sebelum acara lelong. Ini membenarkan pembida melihat sendiri keunikan barang

yang ingin dibida," katanya langkah

ini memberarkan pembida memikirkan sebaik-baiknya sama ada mahu menyertai acara lelong atau sebaliknya.

Beliau berkata, pembida akan diberi buku atau katalog mengandungi senarai barang antik yang akan dilelong pada majlis itu esok.

"Pada katalog ini, kita akan memberi semua maklumat barang yang dilelong dengan nombor lotnya," katanya sambil menambah pembida perlu mendaftar diri sebelum proses lelong bermula dengan setiap seorang akan diberi kad pembida.

Mohd Radzuan berkata, beliau akan mengumumkan satu persatu barang antik yang akan dilelong dan menyatakan nilai harga ribaz yang ditawarkan pada harga permulaan lebih rendah.

"Proses membida berlaku apabila setiap kali harga bidaan baris disebut, ia disokong pembida. Jika ada pembida lain berminat, kita akan menawarkan harga bidaan lebih tinggi hingga harga akhir atau penamat diperoleh," katanya.



● Program: Jualan dan Lelongan barang Antik Legasi Warisan Dunia 2008.

● Tempat: Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam, Selangor. Tarikh: 24, 25 dan 26 Oktober 2008.

● Waktu operasi: 10 pagi hingga 5 petang (sesi pratonton dan jualan pada 24 dan 25 Oktober 2008). 2 petang hingga lima petang (sesi lelong esok).

● Anjuran: Heritage Auction House dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Muzium Sultan Alam Shah. Artifak dijual dan dilelong: 400 barang antik untuk dilelong dan 200 barang antik dijual. Barang antik berasal dari rantaun nusantara, Eropah dan timur tengah.

Antara barang antik dilelong esok

● Peralatan istiadat santapan Di Raja Palembang berusia lebih 200 tahun.

● Syiling lama Belanda.

● Set gelang emas keluaran 1925 dari Indonesia.

● Kain limar bertenuong songket.

● Keris Naga Emas Dewi Tunggal berusia lebih 300 tahun dari Majapahit.

● Kerongsang era Baba dan Nyonya Melaka berusia lebih 100 tahun. Diperbuat dari emas lama berhias intan dan delima.

● Syiling digunakan kerajaan lama Terengganu berusia lebih 700 tahun.

● Pemain rekod generasi kedua keluaran Thomas Edison pada 1898.

